

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN

BAHASA MELAYU

1103/1

TINGKATAN 5

Kertas 1

2023

2 Jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

BAHAGIAN A
(30 Markah)

E-mel yang diberikan di bawah menunjukkan sebahagian daripada jenis tumbuhan herba . Anda dikehendaki menjawab e-mel di bawah.

Tulis e-mel anda itu selengkapnya.

Panjangnya e-mel hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Daripada : aliimran@gmail.com

Kepada : soffiyah05@gmail.com

Tajuk : Pokok Herba.

Assalamualaikum Soffiyah.

Apa khabar saudara di sana ?. Baru-baru ini di laman Instagram, saudara telah memasukkan gambar pokok herba yang ditanam di sekitar rumah saudara di Johor. Gambar-gambar tersebut sangat menarik dan saya melihat saudara begitu gembira menjaga dan membersihkan taman herba tersebut. Saya rasa, saudara mesti tahu keistimewaan yang ada pada tumbuhan herba serta cara menggunakan herba yang terdapat di taman herba rumah saudara.

Sebagai makluman saudara Soffiyah, di kawasan rumah saya tidak ditanam dengan tumbuhan herba. Walau pun di sekitar rumah saya tiada tumbuhan herba yang ditanam, tetapi saya tahu serba sedikit tentang tanaman herba dan kegunaannya. Saya mengetahuinya melalui arwah nenek saya yang pernah menceritakan kepada kami adik - beradik tentang keistimewaan pokok herba. Antara jenis herba yang diceritakan oleh nenek kepada kami ialah pokok bunga raya putih . Nenek berkata tumbuhan ini boleh dijadikan alat tuam untuk merawat sakit bisol dan bengkak. Selain itu, daun serai juga boleh dijadikan minyak urut untuk sengal-sengal sendi dan merawat masalah kelemumur dan menjadi aromaterapi apabila rasa cemas dengan cara menghidu baunya. Rasanya banyak lagi kelebihan tumbuhan herba yang lain yang terdapat di kawasan rumah saudara. Jadi pada kesempatan ini, bolehkah saudara

menerangkan secara lebih lanjut lagi keistimewaan yang ada pada tumbuhan tersebut dan herba lain serta kaedah menggunakannya untuk tujuan perubatan tradisional.. Saya menanti maklum balas daripada saudara ya. Semoga kita dapat berjumpa lagi.

Sahabatmu,

Ali Imran

SOALAN BAHAGIAN B

(70 markah)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

1.

PETALING JAYA: Lebih 600,000 rakyat Malaysia mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) secara maya setakat Ogos lalu berbanding 29,716 berkunjung secara fizikal. Walaupun perpustakaan fizikal masih relevan, namun budaya membaca tidak boleh diukur daripada jumlah kehadiran pengunjung ke perpustakaan fizikal sahaja kerana ramai sudah beralih daripada cara konvensional kepada digital. Perpustakaan pada masa ini tidak boleh hanya memfokuskan kepada penyimpanan buku sahaja tetapi ruang mencari jaringan dan merapatkan ukhuwah sesama rakyat Malaysia.

Sumber: Akhbar Utusan Malaysia, 7 Oktober 2022

Sebahagian daripada petikan akhbar di atas memaparkan peranan perpustakaan kepada masyarakat.

Berikan pendapat anda.

2.

Trash Hero Langkawi

Bertujuan untuk memberikan kesedaran berkaitan dengan kepentingan penjagaan kebersihan dan alam semula jadi kepada masyarakat umum. Kejayaan yang dicapai adalah seperti dilantik sebagai rakan kongsi Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp), menjalankan aktiviti pembersihan pada pukul 10.00 pagi setiap Sabtu di tempat yang ditetapkan dari masa ke masa dan mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada *Pelancong Hijau*,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.
hlm. 79 .KPM.DBP 2020.

Berdasarkan petikan di atas, huraikan aktiviti-aktiviti yang boleh anda lakukan dalam penjagaan alam sekitar semasa melancong.

3.

Semangat patriotisme merujuk perasaan cinta akan negara yang mendalam dan semangat ini penting serta menjadi tunjang kepada perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia . Namun sejak akhir-akhir ini, semangat patriotisme semakin luntur dalam masyarakat khususnya para remaja. Dalam usaha meningkatkan semangat patriotisme dan mengekalkan perpaduan, pelbagai pihak perlulah memainkan peranan menyuburkan semangat tersebut.

Sumber: Berita Harian, Mac 2021

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, bincangkan peranan pelbagai pihak menyuburkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

4.

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. Oleh hal yang demikian, apabila seseorang mulai memasuki alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging. Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing selain mengurangkan risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja.

Dipetik dan diubah suai daripada *Kerja Sebagai Ibadah*,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.
hlm.212 .KPM.DBP 2020.

Merujuk petikan di atas, integriti amat penting dan perlu menjadi darah daging dalam diri seseorang pekerja demi kecekapan pentadbiran dan kecemerlangan dalam sesebuah organisasi.

Huraikan amalan – amalan integriti yang perlu ada dalam diri seseorang pekerja.